

17 SEP 2000

Najib-Umno

UMNO AKAN TERUS PERJUANG PRINSIP DEB, KATA NAJIB

JOHOR BAHRU, 17 Sept (Bernama) -- Naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Umno akan terus memperjuangkan prinsip Dasar Ekonomi Baru (DEB) agar orang Melayu mendapat pembelaan sewajarnya.

Katanya soal DEB akan terus diperjuang dan dipertahankan demi kepentingan orang Melayu dan perkara itu telah dibincang dan dipersetujui oleh biro politik Umno.

"Kita tidak setuju dan menolak pandangan sesetengah pihak yang menyentuh hak keistimewaan orang Melayu. Kita akan mempertahankan prinsip dan ciri-ciri DEB agar ia terus dilaksanakan," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian sijil dan ceramah anjuran Umno Bahagian Tebrau di Pasir Gudang, dekat sini, hari ini.

Kenyataan Najib itu merujuk kepada pertemuan sekumpulan anggota Jawatankuasa Rayuan Pilihan raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) Jumaat lepas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya untuk menjelaskan tuntutan Suqiu, yang menurut mereka, adalah suara hati komuniti Cina untuk masa depan negara.

Isu 17 tuntutan oleh Suqiu dibangkitkan semula pada 16 Ogos lepas apabila jawatankuasa itu memperbaharui pendiriannya berhubung perkara berkenaan sempena genap setahun pelancarannya.

Najib berkata DEB perlu terus dilaksanakan kerana orang Melayu masih belum dapat bersaing dengan bangsa lain.

"Orang Melayu masih memerlukan bimbingan dan kuota seperti kemasukan ke universiti, asrama penuh, pemilikan amanah saham dan pinjaman," kata Menteri Pertahanan itu.

Beliau menyifatkan DEB sebagai "hutang negara kepada orang Melayu" dan ia belum dapat diselesaikan selagi orang Melayu belum dapat berdikari.

Mengenai parti, Najib meminta anggota Umno supaya memberikan segala sumbangan agar parti lebih kuat dan subur di samping menggerakkan jentera penerangan.

Jika tumpuan tidak diberikan terhadap jentera penerangan, dikhuatiri segala kekeliruan dan keaburan yang melanda rakyat tidak dapat diperjelaskan, katanya.

-- BERNAMA

MKO RON